



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
(KEMENTERIAN DALAM NEGERI)
NO. 15, TINGKAT 1-7 (PODIUM)
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
62550 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN



Telefon : 603-8000 8000
Faks : 603-8880 1200
Portal Rasmi : www.imi.gov.my

"KEDAULATAN DAN KESELAMATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami: IM.101/HQ-C/919/19 Jld.3(28)

Tarikh: 9¹⁵ Jamadilawal 1440H
Januari 2019M

Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Imigresen Negeri
Pengarah Imigresen KLIA
Pengarah AIMM

YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,

PENGUMUMAN PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN JABATAN BILANGAN 1 TAHUN 2019 MELALUI LAMAN WEB JABATAN DAN JADUAL PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN BAGI TAHUN 2019

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Unit Kompetensi dan Dasar Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia akan mengadakan **Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke Skim Penolong Penguasa Imigresen Gred KP29 Bilangan 1 Tahun 2019 pada 09 April 2019 sehingga 11 April 2019.**


3. Sehubungan itu, permohonan bagi menduduki peperiksaan tersebut **dibuka** kepada calon-calon yang layak mulai **15 Januari 2019 sehingga 11 Februari 2019.** Calon dikehendaki membaca syarat-syarat permohonan peperiksaan sebelum membuat permohonan melalui laman web jabatan di alamat app.imi.gov.my/peperiksaan. **Pegawai yang layak memohon peperiksaan tersebut adalah Pegawai Imigresen Gred KP19, KP22 dan KP26 yang telah disahkan jawatan dalam perkhidmatan dan telah berkhidmat tidak kurang (lima) 5 tahun.** Sebarang permohonan secara *manual* tidak akan dilayan. Bersama-sama ini dikemukakan jadual peperiksaan subjek jabatan bagi tahun 2019 dan panduan calon menduduki peperiksaan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : MY - AR 6253



BEST AIRPORT IMMIGRATION SERVICE
Kuala Lumpur International Airport
2010, 2011, 2013, 2017



ISO 37001:2016
Anti-Bribery Management System Certification

5. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datu/tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan peperiksaan tersebut, bolehlah menghubungi urus setia Unit Kompetensi dan Dasar Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia seperti berikut:

i. **Nama : Encik Abdillah Suffian bin Azman**
Tel : 03 – 8880 1127
Emel : asuffian@imi.gov.my


ii. **Nama : Encik Azizi bin Musa**
Tel : 03 – 8880 1094
Emel : azizimusa@imi.gov.my

6. Kerjasama dan perhatian segera YBhg. Datuk/Dato'/Datu/tuan/puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“INTEGRITI PROFESIONAL MESRA”

Saya yang menjalankan amanah,


(ASNAH BINTI ABU SEMAN)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p Ketua Pengarah Imigresen
MALAYSIA

LAMPIRAN A**JADUAL PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)
KE SKIM PENOLONG PENGUASA IMIGRESEN GRED KP29
BILANGAN 1 TAHUN 2019**

TARIKH	PEPERIKSAAN	MASA
09.04.2019 (Selasa)	Bahagian 01 –Dokumen Perjalanan & Kewarganegaraan	9.30 Pagi – 11.30 Pagi (2 Jam)
10.04.2019 (Rabu)	Bahagian 02 – Kawalan Imigresen	9.30 pagi – 12.00 tengahari (2 ½ Jam)
11.04.2019 (Khamis)	Bahagian 03 – Pentadbiran	9.30 pagi – 12.00 tengahari (2 ½ Jam)

JADUAL PEPERIKSAAN TAHUN 2019
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA



BIL	PEPERIKSAAN	BAHAGIAN/ SEKSYEN	SIRI PERTAMA				SIRI KEDUA			MASA	SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN
			TARIKH PERMOHONAN		TARIKH PEPERIKSAAN	TARIKH PERMOHONAN		TARIKH PEPERIKSAAN			
			BUKA	TUTUP		BUKA	TUTUP				
1	Perkhidmatan Pertama Bagi Pegawai Imigresen Gred KP19	BHG.02 - Dokumen Perjalanan & Kewarganegaraan	11.02.2019 (Isnin)	08.03.2019 (Jumaat)	01.04.2019 (Isnin)	08.07.2019 (Isnin)	02.08.2019 (Jumaat)	17.09.2019 (Selasa)	9.30 pg-10.30 pg	Pegawai Imigresen Gred KP19 Yang Belum Disahkan Jawatan Dalam Perkhidmatan	
		BHG.03 - Kawalan Imigresen			02.04.2019 (Selasa)		18.09.2019 (Rabu)		9.30 pg-10.30 pg		
2	Undang-Undang Kerajaan (Bhg 03-Subjek Jabatan) Bagi Penolong Penguasa Imigresen Gred KP29	SEKSYEN A - Dokumen Perjalanan & Kewarganegaraan	18.03.2019 (Isnin)	12.04.2019 (Jumaat)	18.06.2019 (Selasa)	26.08.2019 (Isnin)	23.09.2019 (Jumaat)	29.10.2019 (Selasa)	9.30 pg-11.30 pg	Penolong Penguasa Imigresen Gred KP29 Yang Belum Disahkan Jawatan Dalam Perkhidmatan	
		SEKSYEN B - Kawalan Imigresen			19.06.2019 (Rabu)		30.10.2019 (Rabu)		9.30 pg-11.30 pg		
3	Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Ke Skim Penolong Penguasa Imigresen Gred KP29	BHG.01 - Dokumen Perjalanan & Kewarganegaraan	15.01.2019 (Selasa)	11.02.2019 (Isnin)	05.04.2019 (Selasa)	29.07.2019 (Isnin)	23.08.2019 (Jumaat)	01.10.2019 (Selasa)	9.30 pg-11.30 pg	Pegawai Imigresen Gred KP19, KP22 Dan KP26 Yang Telah Disahkan Jawatan Dalam Perkhidmatan Dan Telah Berkhidmat Tidak Kurang Lima (5) Tahun	
		BHG.02 - Kawalan Imigresen			10.04.2019 (Rabu)		02.10.2019 (Rabu)		9.30 pg-12.00 tgh		
		BHG.03 - Pentadbiran			11.04.2019 (Khamis)		03.10.2019 (Khamis)		9.30 pg-12.00 tgh		

* Tarikh peperiksaan yang dinyatakan adalah tertakluk kepada pindaan Unit Kompetensi dan Dasar Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Imigresen Malaysia

PERTANYAAN

Sebarang kemusykilan dan pertanyaan sila hubungi alamat berikut :

Unit Kompetensi dan Dasar Latihan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Imigresen Malaysia
No. 15, Tingkat 6, Persiaran Perdana
Presint 2, 62550 Putrajaya.
Tel : 03 8880 1094
Fax : 03 8880 1200 / 1092

E-mail : mohdanas@imi.gov.my
asuffian@imi.gov.my
azizimusa@imi.gov.my



PANDUAN CALON MENDUDUKI PEPERIKSAAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

1. Syarat – Syarat Permohonan Peperiksaan:

- i Borang Permohonan Peperiksaan dan Jadual Peperiksaan adalah secara atas talian melalui laman sesawang kompetensi www.app.imi.gov.my/peperiksaan;
- ii **Nama, nombor kad pengenalan, negeri bertugas dan pejabat** bertugas hendaklah diisi dengan lengkap;
- iii Calon digalakkan memohon seawal yang mungkin sebelum tarikh tutup permohonan; Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan **DITOLAK**;
- iv Calon yang tidak mendaftar **TIDAK** dibenarkan menduduki peperiksaan;
- v Semakan status permohonan, angka giliran dan pusat peperiksaan adalah secara atas talian melalui laman sesawang kompetensi **(1) seminggu** sebelum tarikh peperiksaan; dan
- vi **Bagi Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL), ke Skim Penolong Penguasa Imigresen Gred KP29, pegawai yang memohon hendaklah telah disahkan jawatan dalam perkhidmatan dan telah berkhidmat tidak kurang lima (5) tahun.**

2. Pusat Peperiksaan:

- i Ditetapkan oleh urus setia Unit Kompetensi, Jabatan Imigresen Malaysia;
- ii Pertukaran Pusat Peperiksaan adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada urus setia Kompetensi, Jabatan Imigresen Malaysia;
- iii **Pertukaran pusat hanya dibenarkan atas sebab-sebab berikut :**
 - a. **Pertukaran Tempat Bertugas** (Surat Arahan Pertukaran hendaklah disertakan); dan
 - b. **Masalah kesihatan** (Surat Laporan Kesihatan daripada Pegawai Kesihatan hendaklah disertakan).

3. Tanggungjawab calon:

Calon hendaklah mematuhi peraturan seperti yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.13 Tahun 1982 - Peraturan Tatatertib dalam Peperiksaan Perkhidmatan antaranya:

- i Calon perlu mencetak dan membawa **SLIP ARAHAN CALON, KAD PENGENALAN dan ALAT TULIS**;
- ii Calon **wajib beruniform lengkap** semasa menghadiri peperiksaan;
- iii Bagi peperiksaan yang merujuk kepada bahan rujukan yang berkaitan dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan **KECUALI nota tangan dan nota elektronik**;
- iv Calon adalah dilarang membawa **alat komunikasi/elektronik terutamanya telefon bimbit** di dalam dewan/bilik Peperiksaan. Kotak simpanan akan disediakan oleh urusetia peperiksaan.
- v Sekiranya calon tidak mengikut peraturan dan arahan tindakan tatatertib akan diambil. Ketua Pengawas boleh menghalang calon daripada menduduki peperiksaan; dan
- vi **Kegagalan dengan sengaja tidak menduduki peperiksaan dianggap telah melanggar tatatertib peperiksaan dan tindakan akan dikenakan di mana calon TIDAK DIBENARKAN** untuk menduduki peperiksaan pada tahun berikutnya.

4. Keputusan:

- i Semakan keputusan peperiksaan adalah secara atas talian melalui laman sesawang kompetensi www.app.imi.gov.my/peperiksaan;
- ii Keputusan peperiksaan akan dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh peperiksaan; dan
- iii Keputusan peperiksaan dianggap **TERBATAL** sekiranya calon didapati tidak layak menduduki peperiksaan yang berkaitan.